

UMNO yakin bangkit kembali tadbir negara

Keyakinan berdasar usaha berterusan meremajakan parti, petunjuk semasa

Oleh Zanariah Abd Mutualib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yakin UMNO akan kembali bangkit untuk mentadbir negara walaupun kini menerima tekanan dari dalam dan luar.

Presiden UMNO itu berkata, keyakinan berkenaan berdasarkan rekod mentadbir negara sebelum ini, usaha berterusan untuk meremajakan parti, melahirkan pemimpin pelapis berkualiter

dan petunjuk semasa yang UMNO masih menerima sokongan masyarakat.

Beliau juga mendakwa, UMNO adalah parti paling dipercayai dan masyarakat ingin kembali menyokong parti itu yang juga sentiasa mempunyai pemimpin berkualiter, berwawasan dan berbakat besar dalam memimpin negara.

"UMNO sentiasa memperkasakan pemimpin pelapis untuk menyambung wadah kepemimpinan. Mereka benar-benar teruji, bermoral dan berkemampuan untuk memimpin negara suatu hari nanti.

"Masa akan kembali menyeberlai UMNO. Sebagai parti tertua yang mentadbir negara selama 63 tahun, rekod kecemerlangan UMNO mengemudi negara tidak dapat dinafikan lagi, sehingga rakyat percaya kestabilan hanya



Ahmad Zahid Hamidi

dapat dinikmati dengan UMNO dan Barisan Nasional (BN).

"UMNO adalah parti paling dipercaya. Manifesto tidak pernah dimungkiri, semua janji ditepati, rakyat didahulukan, kebajikan diutamakan, ekonomi dibangunkan.

"Itulah perjuangan UMNO yang menjadikan ia mandiri selama 75 tahun. UMNO dan rakyat berpisah tiada," katanya dalam Facebook sempena Hari UMNO Ke-75, semalam.

UMNO gagal memerintah buat pertama kali dalam sejarah negara selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) pada 9 Mei 2018.

Ketika ini walaupun berada dalam kerajaan, parti berkenaan menetapkan bahawa sokongan yang diberikan kepada Perikatan Nasional (PN) adalah sehingga PRU-15.

Sultan Nazrin batal hasrat tunai solat Aidilfitri bersama rakyat

Ipoh: Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah membantalkan hasrat baginda untuk menunaikan solat sunat Aidilfitri bersama rakyat di Masjid Ubudiah, Kuala Kangsar pada 1 Syawal ini.

Ia susulan kebimbangan terhadap penularan COVID-19 yang mencatatkan angka sangat tinggi kebelakangan ini.

Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk), Datuk Seri Mohd Annuar Zaini melalui kenyataan dikeluarkan semalam selepas titah itu dizahirkan Sultan Nazrin, berkata baginda turut memaklumkan pembatalan hasrat mengadakan acara jamuan Aidilfitri di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar.

Sementara itu, katanya, Sultan Nazrin membenarkan solat sunat Aidilfitri dibuat di kawasan lapang serta terbuka dengan kehadiran tidak lebih 50 jemaah berserta pematuhan penjarakan fizikal, manakala aktiviti ziarah kurbur tidak dibenarkan.

Beliau berkata, keputusan itu

dibuat berdasarkan status semasa penularan COVID-19 yang dipersembahkan Jabatan Kesihatan Negeri dan Majlis Keselamatan Negeri (MKN).

"Takbir raya dibolehkan di masjid dan surau, namun tidak boleh dilakukan dari rumah ke rumah, manakala masjid serta surau boleh mengadakan solat Aidilfitri dengan had jemaah berdasarkan ketetapan Kementerian Kesihatan (KKM) dan MKN."

"Kehadiran solat Aidilfitri di masjid dan surau terhad kepada warga Malaysia berusia 12 tahun ke atas dan tiada jamuan di masjid, surau serta kawasan lapang terbuka selepas solat," katanya.

Mohd Annuar berkata, Sultan Nazrin turut mengingatkan rakyat supaya memahami keseriusan penularan COVID-19 dan mengambil tanggungjawab membantu memutuskan rantai jangkitan serta menunjukkan simpati kepada petugas barisan hadapan dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

BANK PERTAMAN MALAYSIA BERHAD 200801010522 (311510-U)

AGRO BANK
mempersempahkan

Projek Raya Mat Gyver

"Padi nan hijau menghiasi bendang,
Siapakah gerangan Tuan empunya,
Walau Aidilfitri tamu tak bertandang,
Hubungan melalui teknologi itu semampunya."

#rayatetapraya

SELAMAT MENYAMBUT Aidilfitri 1 SYAWAL 1442 HURAH

Imbas kod QR untuk saksikan klip video penuh